



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA  
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA.BK(S) 134/8/69 Jld. 2 (II)  
Tarikh : 12 Jun 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S29 KE GRED S32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Psikologi (PPPsi) Gred S32 bagi tahun 2018/2019**. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat **PPPsi Gred S29** yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai **PPPsi Gred S29** Perkhidmatan Gunasama Persekutuan **pada 31 Julai 2008 dan sebelum (tidak hilang kekanan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan berubah kepada tarikh 1 Ogos 2008 dan seterusnya);**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi **tiga (3) tahun terkini (2015, 2016 dan 2017)** **adalah 80% dan ke atas;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

...2/

2.7 Menandatangani Surat Akuan Pinjaman Institusi/Tabung Pendidikan; dan

2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan, terdapat hanya **satu (1) sahaja** kekosongan jawatan **Penolong Pegawai Psikologi Gred S32** di seluruh Kementerian/Agensi Persekutuan iaitu di **Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Kajang, Selangor.**

4. Sehubungan dengan itu, calon-calon yang **tidak bersedia untuk penempatan semula di lokasi seperti yang dinyatakan di perenggan 3** dan telah cukup syarat tempoh perkhidmatan tiga belas (13) tahun serta bakal memohon **kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK), tidak perlu memohon untuk urusan pemangkuhan ini.**

5. Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:

5.1 **Lampiran A** – Borang Pertimbangan Pemangkuhan Perkhidmatan Gunasama Persekutuan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi Gred S29 ke Gred S32

5.2 **Lampiran B** – Borang Perakuan Ketua Jabatan;

5.3 **Lampiran C** – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan;

5.4 Surat Keputusan **Tapisan Keutuhan SPRM terkini**; dan

5.5 **Salinan Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2015, 2016 dan 2017)** yang telah disahkan.

6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** seperti maklumat di **perenggan 5** di atas bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/ Datuk/Dato'/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 20 Julai 2018 (Jumaat)** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p. : Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

7. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agenzi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat seperti di Perenggan 2 sahaja dikemukakan kepada JPA**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (**buku rekod perkhidmatan tidak perlu dikemukakan**). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses**.

8. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Encik Ahmad Azizi bin Hj. Nordin - 03-8885 4304  
[azizi.nordin@jpa.gov.my](mailto:azizi.nordin@jpa.gov.my)
- ii. Puan Haini Binti Ahmad - 03-8885 4317  
[haini.ahmad@jpa.gov.my](mailto:haini.ahmad@jpa.gov.my)

9. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

**■ : 03-8885 4110**

**✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my**

**LAMPIRAN A**

(Pindaan 1/2016 -P)

Untuk dilengkapkan oleh pegawai dan disahkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**PERTIMBANGAN PEMANGKUAN  
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN  
SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI  
GRED S29 KE GRED S32**

<b>BUTIR-BUTIR DIRI DAN MAKLUMAT PERKHIDMATAN PEGAWAI (UNTUK DILENGKAPKAN OLEH PEGAWAI)</b>	
Nama Penuh	:
No. Kad Pengenalan	:
Gelaran Jawatan	:
<b>Maklumat Tempat Bertugas</b>	
Bahagian	:
Jabatan	:
Kementerian	:
No. Telefon (Pejabat)	: _____ samb. _____ Bimbit : _____
No. Faksimili	: _____ Emel : _____
Tarikh lantikan perkhidmatan sekarang : _____	
Tarikh disahkan dalam perkhidmatan : _____	
Tarikh kenaikan pangkat terakhir (jika berkenaan) : _____	
Umur Persaraan : _____ (tahun)	
<input type="checkbox"/>	Bersara Wajib : Tarikh : _____
<input type="checkbox"/>	Bersara Pilihan : Tarikh : _____

Nama Pemohon : .....  
No. Kad Pengenalan : .....

Pelanjutan Tempoh Percubaan

Tiada

Tanpa Denda : Tarikh : ..... hingga .....

Berdenda : Tarikh : ..... hingga .....

Lantikan ke Skim Perkhidmatan Terdahulu

Tiada / Tidak berkaitan

Ada : Skim Perkhidmatan : .....

Tarikh : ..... hingga .....

Perisyiharan Harta (**5 Tahun Terkini**)

Telah isytihar pada : .....

Belum isytihar

Cuti Belajar Yang Pernah Diluluskan

Tiada

Ada : Peringkat Pengajian : .....

Tarikh / Tempoh : ..... hingga ..... ( ..... )

Cuti Tanpa Gaji (CTG) / Cuti Separuh Gaji (CSG) Yang Pernah Diluluskan

Tiada

Ada : Jenis CTG / CSG : .....

Tarikh / Tempoh : ..... hingga ..... ( ..... )

**(Sila guna Lampiran jika ruang tidak mencukupi)**

Rekod Ketidakhadiran Bertugas (**pada gred semasa**)

Tiada

Ada : Tarikh / Tempoh : ..... hingga ..... ( ..... )

**(Sila guna Lampiran jika ruang tidak mencukupi)**

### PENEMPATAN

Penempatan sebagai Penolong Pegawai Psikologi Gred S32 di **Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia, Kajang, Selangor.**

Setuju

Tidak Setuju

### PENGAKUAN PEGAWAI

Saya **mengesahkan** bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan di dalam borang pemangkuhan ini adalah benar dan sah. Saya juga memahami bahawa sekiranya terdapat **maklumat palsu, tidak benar atau tidak lengkap, maka urusan ini akan terbatal dan saya boleh dikenakan tindakan tatatertib** di bawah Peraturan 4(2)(f), 4(2)(g) dan 4(2)(j), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Saya sesungguhnya juga mengetahui bahawa urusan pemangkuhan ini berkemungkinan menyebabkan saya ditukarkan ke tempat lain. Oleh itu, saya **bersedia / tidak bersedia\*** ditukarkan sekiranya saya berjaya dalam urusan pemangkuhan ini. (\*Potong yang tidak berkenaan)

**Tandatangan** : \_\_\_\_\_

**Nama** : \_\_\_\_\_

**Tarikh** : \_\_\_\_\_

### BAHAGIAN INI UNTUK DILENGKAPKAN OLEH BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Tindakan Tatatertib

Tiada

Dalam Tindakan

: \_\_\_\_\_

Ada : Jenis Hukuman

: \_\_\_\_\_

Tarikh Hukuman : \_\_\_\_\_

**(Sila Lampirkan Surat Pertuduhan dan/atau Surat Keputusan Lembaga Tatatertib)**

Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**Untuk Setiap Urusan Pertimbangan**)

Lulus pada : \_\_\_\_\_

Gagal

**(Sila Lampirkan Surat Tapisan Keutuhan daripada SPRM)**

Nama Pemohon : .....  
No. Kad Pengenalan : .....

Markah LNPT terkini

2015 :	<input type="text"/>
2016 :	<input type="text"/>
2017 :	<input type="text"/>

(Sila Lampirkan LNPT tiga tahun terkini)

#### PENGESAHAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Saya mewakili Ketua Jabatan mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan di dalam borang pemangkuhan ini adalah benar dan sah. Sekiranya berlaku kesilapan yang boleh dikategorikan sebagai tidak jujur atau tidak amanah, tidak bertanggungjawab dan cuai dalam melaksanakan tugas yang mempengaruhi keputusan Lembaga, saya **boleh dikenakan tindakan tatatertib** di bawah Peraturan 4(2)(f), 4(2)(g) dan 4(2)(j), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

**Tandatangan** :

**Nama** :

**Jawatan** :

**Tarikh** :

**E-mel** :

**Cop Jabatan** :

Catatan :

- i) Salinan **Buku Rekod Perkhidmatan TIDAK PERLU** disertakan.
- ii) Sila kemukakan bersama dokumen seperti berikut:
  - a) Lampiran B – Borang Perakuan Ketua Jabatan; dan
  - b) Lampiran C – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan.

**LAMPIRAN B**

**PERTIMBANGAN PEMANGKUAN  
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

**PERAKUAN KETUA JABATAN**

Saya \* memperakukan / tidak memperakukan

---

(*nama*)

---

(*no. Kad pengenalan*)

**PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI GRED S29**

untuk dipertimbangkan dalam pelaksanaan urusan

Pemangkuan ke Gred **S32** Perkhidmatan Gunasama Persekutuan

**ULASAN KESELURUHAN**

---

---

---

---

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cop Jabatan :

- Sila potong mana yang tidak berkenaan.

Rujukan : \_\_\_\_\_

Kepada :

Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan

.....

**SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN  
INSTITUSI TABUNG PENDIDIKAN**

Saya ..... No. K/P : ..... mengesahkan bahawa :

- Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan ;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM ..... dan RM ..... Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran ;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM ..... dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai/potongan gaji mulai ..... ;
- Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh ..... hingga ..... sebanyak RM ..... dan saya telah pun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada .....

**PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....  
Tandatangan Pegawai

Nama : .....  
Jawatan : .....  
Alamat Jabatan : .....  
Tarikh : .....